

Berani, keyakinan diri kunci kuasai bahasa kedua

Oleh Dr Shanina Sharatol Ahmad Shah



Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya

Berdasarkan analisis keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) baru lalu, terdapat penurunan prestasi pencapaian bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris. Malah, dalam konteks subjek Bahasa Inggeris penurunan itu sudah kelihatan sejak SPM 2020.

Situasi ini menimbulkan persoalan dan kebimbangan kerana secara umum bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan, manakala bahasa Inggeris adalah bahasa kedua yang penting di Malaysia. Sekilas pandang, seharusnya kita tidak berhadapan dengan isu kemerosotan pencapaian.


Adakah murid hanya belajar bahasa hanya dalam kelas sahaja? Adakah tempoh pembelajaran bahasa di sekolah tidak mencukupi? Atau mungkinkah kandungan silibus tidak cukup mantap? Jawapan kepada semua soalan di atas adalah tidak.

Hal ini kerana guru bertanggungjawab mengajar di dalam kelas. Namun selebihnya, murid perlu mengasah kemahiran itu. Mereka perlu bertanggungjawab dan berusaha secara individu kerana proses pembelajaran lebih banyak berlaku di luar kelas.

Sebenarnya menguasai bahasa tidaklah sukar. Ia boleh dibuat dengan satu perkataan, keberanian.

1 Yakin diri

Kunci kepada penguasaan komunikasi bermula



(Foto hiasan)

lam bahasa yang ingin dikuasai. Misalnya jika mahu memantapkan penguasaan bahasa Inggeris, biasakan diri dengan bahasa itu misalnya menerusi mendengar saluran radio dan lagu; menonton rancangan TV; membaca akhbar, majalah, buku atau membiasakan diri menulis diari, blog malah status di media sosial menggunakan bahasa itu. Jangan tunggu peluang datang untuk kita menggunakannya sebaliknya diri sendiri yang perlu mewujudkan persekitaran kondusif sebegitu.

3 Tingkatkan motivasi diri

Dalam hidup kita perlu terus belajar walaupun usia bertambah. Jika anda hanya menguasai bahasa ibunda sahaja dan merasakan cukup hanya itu ia pandangan yang kurang tepat.

Menguasai lebih daripada satu bahasa membuka lebih banyak pintu ilmu. Hal ini boleh dibuat dengan menanam motivasi sendiri. Kita melakukannya untuk diri kita sendiri. Penguasaan bahasa membantu bukan hanya lulus peperiksaan tetapi ia adalah kemahiran hingga akhir hayat. Ia membantu anda meningkatkan peluang untuk menyam-

1 daripada diri anda sendiri. Keyakinan sangat penting dalam berkomunikasi. Umumnya pelajar takut-takut untuk bercakap dalam bahasa lain selain daripada bahasa ibunda. Mereka takut melakukan kesalahan tatabahasa atau sebutan yang akan memalukan diri.

Cuba anda renung sejenak, bagaimana sesetengah peniaga tempatan yang tidak ada latar belakang bahasa Inggeris cuba berkomunikasi dengan pelancong asing walaupun melakukan banyak kesalahan bahasa? Untuk mereka apa yang penting maksud itu sampai kepada yang mendengar dan akhirnya masing-masing mencapai persefahaman.


Selain itu, cuba imbas semula bagaimana kita menguasai bahasa ibunda sewaktu kecil. Ia bermula dengan melakukan banyak kesalahan tatabahasa, pemilihan perkataan, penyusunan ayat dan sebutan. Hal ini sama juga kaedahnya apabila kita mempelajari bahasa, sama ada Melayu, Inggeris malah Mandarin. Kita perlu menggunakan bahasa itu dahulu sebelum mengetahui cara penggunaannya yang betul. Belajar daripada kesalahan. Kalau kita mempelajari sesebuah bahasa lengkap dengan tatabahasa, perbendaharaan kata dan sebutannya tetapi tidak pun menggunakan dalam pertuturan dan penulisan, ia tidak membantu membina keyakinan diri. Gunakanlah ia untuk berkomunikasi dahulu dan pelajari mengenai tatabahasa serta yang lain-lainnya kemudian.

2 Wujudkan suasana pembelajaran yang kondusif

Jika kita biasa berkomunikasi dalam bahasa ibunda dengan keluarga atau rakan rapat agak janggal untuk bertutur dalam bahasa lain. Jadi apa solusinya? Tidak perlu hingga mencari 'mat saleh', memadai berbual dengan rakan sekelas yang sama-sama ingin belajar.

Selain itu wujudkan suasana yang kondusif da-

“ Tidak kira apa sahaja bahasa yang dipelajari, kita mampu menguasainya dengan usaha dan kaedah yang betul ”



ling pengajian, memperoleh pekerjaan, kenaikan pangkat malah ia sebenarnya memberi anda keyakinan diri yang hebat. Anda juga akan rasa lebih berkeyakinan jika mampu bertutur lebih daripada satu bahasa. Oleh itu kita perlu sentiasa pujuk diri kita untuk sentiasa bermotivasi menggunakan dan mempelajari bahasa Inggeris dengan baik.

4 Latih diri untuk berfikir bukan dalam bahasa ibunda

Katakanlah bahasa Melayu adalah bahasa ibunda anda dan secara umumnya anda akan berfikir dalam bahasa itu. Jika anda ingin belajar menguasai bahasa Inggeris, cuba latih diri berfikir dalam bahasa itu. Ingat apa yang ada dalam fikiran kita, itu yang akan keluar dari mulut kita.

Jika kita berfikir dalam dua bahasa yang berbeza, maka apa yang keluar dari mulut kita juga adalah dalam dua bahasa itu. Melatih diri untuk berfikir dalam bahasa Inggeris adalah satu permulaan yang sangat bagus untuk membiasakan diri kita dengan penggunaan bahasa itu. Andai ada perkataan yang tidak anda fahami rujuklah kamus. Sebenarnya, melatih diri untuk berfikir dalam bahasa itu bermakna anda juga mampu mengawal percakapan dan penulisan kita.

Kebolehan berbahasa adalah anugerah dari Tuhan kepada manusia. Anugerah ini tidak diberikan kepada makhluk lain. Hal ini bermakna, tidak mustahil untuk seseorang mempelajari lebih daripada satu bahasa kerana semua manusia mampu melakukannya.

Tidak kira apa sahaja bahasa yang dipelajari, kita mampu menguasainya dengan usaha dan kaedah yang betul. Jadi, janganlah berputus asa jika masih gagal menguasai kedua atau ketiga dengan baik. Kunci kejayaan anda adalah keberanian dan keyakinan diri.